

04/02/1998

Memahami konflik dalam pemikiran Barat

SAYA bukan ahli sains politik, tetapi makalah 'The Geopolitical Sleuth; 'The View through the fog, how the world could look in 2030' dalam majalah The Economist keluaran 3 Januari 1998, membuat saya melihat semula makalah The Clash of Civilisations? yang ditulis oleh Samuel Huntington dalam majalah Foreign Affairs, keluaran musim panas pada 1993 lalu. Makalah Huntington yang terbit ketika 'Keajaiban Asia' sedang rancak membangun ekonomi di dunia sebelah sini mendapat perhatian hangat, termasuk negara kita yang mengundang Huntington ke sini untuk mendengar kritikan daripada intelektual tempatan.

Pada hemat saya apa yang disangkal oleh pemikir tempatan ialah pendekatan konflik antara peradaban seperti yang diajukan Huntington, dan pembabitan "...the Confucian - Islamic Connection that has emerged to challenge Western interests, values and power." Mungkin dorongan kuat untuk menyangkal tesis Huntington ini ialah pembabitan penduduk dengan kedua-dua peradaban itu, orang Melayu dengan Islamnya dan orang Cina dengan falsafah Confuciannya.

Mungkin juga yang menggusarkan cendekiawan kita ialah pendekatan Huntington yang bernada penentangan terhadap Barat. Seolah-olah ia menyatakan, selepas perpecahan blok Timur (komunis) yang menjadi saingan Barat sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua, siapa pula akan mengambil peranan itu. Persaingan antara blok Timur dan Barat berdasarkan ideologi dan dasar yang dikemukakan Huntington bagi penentangan terhadap Barat ialah perbezaan budaya, atau lebih tepat peradaban.

Seperti katanya: "The Clash of Civilisations will dominate global politics. The fault lines between civilizations will be the battle lines of the future." Tetapi Huntington tidak meramalkan persaingan politik itu membawa kepada satu perang dunia, seperti juga agaknya persaingan blok Barat dan Timur, walaupun sengit dan pernah mengancam penghapusan seluruh dunia satu ketika dulu, berakhir dengan keruntuhan blok Komunis tanpa perang.

Keruntuhan itu pada dasarnya dibawa oleh sistem ekonomi, iaitu sistem yang bersandarkan perancangan ekonomi pusat. Walhal blok Barat mengetengahkan ekonomi pasaran bebas dan falsafah ekonomi inilah yang masa kini mahu diperkembangkan ke serata dunia. Walaupun Huntington memberi fokus kepada perbezaan peradaban dalam tesisnya yang membawa kepada pertentangan itu, ia tidak mengabaikan faktor ekonomi.

Saya rasa Huntington melihat peradaban sebagai faktor yang tampak jelas dalam situasi persaingan atau pertentangan, sementara faktor lain seperti ekonomi dan ketenteraan sebagai penggerak sebenarnya. Ia juga melihat pertentangan antara peradaban itu berlaku pada dua paras: Mikro yang membabitkan peradaban yang berjiran dan pertentangannya terhad, dan makro yang lebih menjadi pergelutan kuasa ekonomi ketenteraan atau politik yang lebih luas.

Aliran 'pengwilayahan' bagi kerjasama ekonomi akan dikuatkan lagi dengan jati diri setiap peradaban. Mungkin satu contoh yang ketara ialah Persatuan Eropah, iaitu ikatan wilayah yang anggotanya daripada negara berperadaban Kristian. Keengganan Persatuan Eropah menerima Turki, sebuah negara yang penduduknya Islam dan berkorban untuk blok Barat dalam persaingan dengan blok Timur dulu, menguatkan tesis Huntington.

Mungkin juga Huntington dalam mengemukakan "...the Confucian - Islamic connection," sebagai pesaing Barat masa depan lebih menonjolkan sifat

pertentangan peradaban. Sebab itu makalah 'The Economist' nampaknya lebih praktik dalam pendekatannya, terutama apabila mengemukakan 'Islam' sebagai pesaing kancha kuasa dunia pada abad ke-21. Pesaing yang disenaraikan ialah China, (blok Islam?), Rusia, Jepun, Amerika Syarikat, blok Barat (AS campur Eropah) dan Eropah. Setiap negara atau blok itu diberi nilai (angka) dalam ujian memenuhi ciri yang membolehkannya dianggap sebagai the coming superpower.

Ciri itu, empat semuanya, menjawab soalan yang difikirkan menjelaskan kemampuan negara atau blok itu menjadi kuasa besar di pentas dunia. Misalnya, kekuatan tentera saja tidak mencukupi, kerana hendak menjadi 'superpower', negeri itu perlu mempunyai kemampuan menyerang jarak jauh, sama ada dengan roket atau dengan pasukan tentera bergerak. Begitu juga dengan kemampuan dasar luar yang cekap dan dasar itu mendapat sokongan sebahagian besar penduduknya. Akhirnya, negeri atau blok itu menaruh hasrat menguasai kekayaan sumber di luar kawasannya seperti simpanan minyak dan galian berharga dan strategik.

Sebenarnya antara Huntington dan 'The Economist' tidak ada bezanya, cuma pendekatan masing-masing memberi pengertian berlainan. Kedua-duanya, pada saya berpangkal kepada kecurigaan sama ada hegemoni Barat akan kekal tanpa cabaran pada masa depan. Esei The Economist dengan kata-kata: "...there is unlikely to be any great challenge to the security of Europe and America in the next generation or so: The world is, for the time being, safe for democracy," atau "This reasonable guess holds little comfort for the democracies of the west," cuma mencerminkan pemikiran kenapa esei itu cuba merungkai persoalan ini.

Antara angka yang dipungut calon 'superpower' itu, yang tertinggi ialah blok Barat (15), tetapi Amerika Syarikat dengan 14 dan Eropah sembilan cuma didekati oleh China dengan 13 dan Jepun sembilan. Russia memungut lapan, dan 'blok' Islam cuma dapat empat. Jika diambil 'Confucian - Islam connection' seperti telahan Huntington, mungkin nilainya lebih tinggi daripada blok Barat, iaitu 17 berbanding 15. Mungkin benar telahan Huntington kekuasaan blok 'Confucian - Islam' adalah cabaran terbesar kepada hegemoni Barat dalam abad ke-21.

Tetapi apakah ada kemungkinan China dan blok Islam berpadu menentang Barat? Huntington mengemukakan cuma 'Confucian - Islamic connection', iaitu ada hubungan antara dua peradaban itu, seperti agaknya penjualan senjata buatan China kepada negara Islam di Timur Tengah. Tetapi untuk 'connection' menjadi blok, tentu banyak faktor yang harus dicari dan diperiksa. Tetapi jelas, esei The Economist menunjukkan blok Islam tidak mempunyai kemampuan menjadi kuasa besar.

Makalah majalah itu menggariskan beberapa faktor kenapa blok Islam yang mempunyai beberapa buah negara mampu melengkap diri dengan senjata moden tidak boleh menimbulkan cabaran kepada Barat. Pertamanya, negara Islam tidak mempunyai organisasi pusat yang berkesan untuk menggembelng tenaga negara itu. Walaupun mempunyai pegangan atau ideologi sama, negara itu tidak mempunyai matlamat atau tujuan sama, terutama, saya kira dalam pengendalian hal yang dituntut keperluan semasa.

Bahkan, sudah lumrah bagi dunia Islam sejak beberapa abad lalu berpecah mengikut aliran fahaman masing-masing, bukan sahaja bersangkutan isu-isu agama itu sendiri, bahkan dicituskan oleh faktor-faktor ekonomi atau politik semasa. Dalam zaman kita sendiri, kita dapati negara-negara Islam berpecah belah seperti Afghanistan atau Somalia.

Peranan Barat tidak dapat diketepikan menimbulkan masalah di negara Islam, seperti menyokong Algeria membatalkan pilihan raya yang dimenangi pihak Islam. Pembunuhan beramai-ramai di Algeria baru-baru ini dikatakan ekoran daripada insiden itu dan Barat tidak silu-silu ingin campur tangan hipokrasi Barat terserlah apabila membantah keputusan mahkamah

perlembagaan Turki mengharamkan parti Refah yang mirip kepada Islam.

Satu perkara yang dibangkitkan oleh 'The Economist' patut diambil iktibar oleh dunia Islam. "The real danger of the Muslim world, indeed, may be not unity but fragility." Ia merujuk kepada negara Islam dari Arabia hingga Kazakhstan yang bersempadan dengan China. Daerah itu menampung kekayaan dalam buminya, tetapi tidak stabil, hingga berkemungkinan mengundang masuknya persaingan pengaruh antara kuasa besar seperti Cina, Russia, Eropah dan Amerika Syarikat. Bahayanya, bukan saja wilayah itu berkemungkinan dicerobohi dan direbut, tetapi boleh jadi tercetusnya peperangan antara kuasa besar masa depan.

Antara kedua-dua makalah itu, premisnya tidak lain daripada kebimbangan Barat terhadap cabaran terhadap hegemoni yang sedang dikecap mereka dan ancaman terhadap nilai agung yang hendak disebar ke seluruh dunia, iaitu demokrasi, pasaran bebas, keunggulan individu dan sebagainya. Baik pendekatan Huntington yang menyorot perbezaan peradaban, mahupun pendekatan The Economist yang lebih praktik bagi mengukur kemungkinan 'superpower', bahayanya ialah premis yang mendasari kedua-dua pendekatan ialah kehadiran konflik. Tidak seperti pendekatan Perdana Menteri kita Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, iaitu 'makmurkan jiran kita, kita akan makmur sama'.

(END)